

LEARNING ASSESSMENT AND IMPLICATIONS FOR EDUCATION INSTITUTIONS IN MALAYSIA

¹Yuslaini Yunus

²Kamarul Shukri Mat Teh

¹Institute of Teacher Education, Campus Dato 'Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

²Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

Abstract

This concept paper aims to identify the appropriate assessment practices in the education system in Malaysia. It is particularly significant because the assessment is the heart of the students' learning experience which reflect the real curriculum. A lot of time and attention spent by the students on the assessment. These affects behaviour and their learning styles. The study found that there were still problems in the practice of assessment in teacher education in Malaysia, more likely the written examination that have shaped the minds of students to be rigid and static, geared to exam oriented. It is necessary to find a solution to this problem as to produce a better students in future generation. The assessment practice should be able to meet the government's intention to produce a holistic and quality of human capital in order to successfully face the challenges of globalization. At the school level in Malaysia, the implementation of the National Education Assessment System (NEAS) has emphasized the approach of assessment for learning and assessment of learning. The problem arises because both approaches in assessment are teacher-centred, where teachers are the appraiser. It should be a learning assessment (assessment as learning) and character assessment because this approach focuses on the role of students as the appraiser. Hence, the need for assessment practices that emphasize four approaches to learning (for, as, of and character) known as learning assessments. It aims to help improve the quality of students from a variety of aspects, including learning and their own potential. Learning assessment can have implications for education institutions and the role of teachers as educators to encourage lifelong learning and generate quality human capital.

Key words: assessment for learning, assessment as learning, assessment of learning, learning assessment, implications

Pendahuluan

Sistem pendidikan negara telah mengalami evolusi yang membawa kepada terhasilnya Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Ia merupakan usaha yang dirancang secara sistematik untuk meningkatkan pelaksanaannya demi menangani cabaran-cabaran abad ke-21 (Noriaty et al., 2010; Abd. Rahim, 2000). Pentaksiran ini dapat menentukan kualiti pendidikan, pencapaian, mencungkil potensi, bakat, mendapatkan maklumat tentang perkembangan individu pelajar, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta memotivasikan pelajar. Amalan masa lalu yang

banyak diberikan kepada pentaksiran sumatif hanya mampu memberi maklumat tentang pencapaian pelajar dalam pembelajaran tetapi tidak berupaya mengenal pasti kelemahan dan masalah pelajar dalam pembelajaran (KPM, 2012). Pentaksiran yang berkualiti perlu bersesuaian dengan tujuan, meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran, telus, efisien dan diyakini awam (Nabilah & Sarebah, 2011).

Pentaksiran meningkatkan pembelajaran

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang diperkenalkan pada tahun 2011 melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah memberi penekanan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (PuP) (*assessment for learning*) dan pentaksiran kepada pembelajaran (PkPP (*assessment of learning*)). Pentaksiran ini bertujuan menghasilkan kualiti dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran dalam pelbagai peringkat pendidikan (Bindu, 2013). Pengamal pendidikan tidak jemu untuk mencari penyelesaian alternatif bagi memastikan proses pentaksiran dapat dilaksanakan dengan berkesan (Marzni et al., 2012). Pentaksiran pembelajaran ini perlu sentiasa disogokkan dengan pemikiran global, terutamanya yang menyentuh tentang pentaksiran di negara-negara maju atau pun negara membangun yang lain. Perbandingan dapat dilakukan dan seterusnya penyebaran idea serta pengetahuan dari negara-negara lain dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti sistem pentaksiran di negara ini (Abd. Rahim, 2007).

Kertas konsep ini bertujuan untuk memberi satu gambaran alternatif tentang pentaksiran pembelajaran di institusi pendidikan di Malaysia. Ia amat signifikan kerana pentaksiran merupakan jantung kepada pengalaman pelajar dan mencerminkan kurikulum yang sebenar. Rasionalnya, banyak masa dan tumpuan diberikan oleh pelajar terhadap pentaksiran, maka secara langsung pentaksiran ini mempengaruhi tingkah laku dan gaya pembelajaran mereka. Kajian mendapati bahawa wujud masalah dalam amalan guru berkaitan sistem pentaksiran yang lebih cenderung kepada kaedah peperiksaan bertulis dan kesannya telah membentuk minda pelajar yang jumud dan statik kepada orientasi peperiksaan sahaja.

Pentaksiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran

Pentaksiran yang diamalkan oleh guru di dalam bilik darjah menyumbang secara langsung kepada gaya, pendekatan dan kualiti pembelajaran pelajar. Namun, amalan itu sendiri kadang-kadang tidak memberi tumpuan secukupnya terhadap proses pembelajaran (Boud, 1990; Thomas et al., 2011). Walhal apa yang berlaku pada hari ini menampakkan pentaksiran yang masih dilakukan terhadap pelajar tetapi bukan bersama pelajar. Sehubungan itu, perubahan dari segi amalan pentaksiran guru, pembelajaran dan peranan pelajar merupakan satu cabaran yang besar untuk ditangani dalam institusi pendidikan (Sluismans & Prins, 2006).

Pentaksiran bersifat kontemporari memerlukan teknik yang menggunakan pelbagai alat pentaksiran untuk meningkatkan pembelajaran pelajar. Ia berkesan untuk menilai pemahaman pelajar yang lebih menjurus kepada pembelajaran mereka sendiri (Zaidatun et al., 2006). Guru perlu mengambil inisiatif mendalami pengetahuan dan menguasai kemahiran baru untuk dikembangkan sepanjang hayat dalam profesion

mereka (Abd. Ghafar, 2003).Kajian Rahaila (2011) menunjukkan bahawa terdapat guru yang kurang berusaha untuk bersikap refleksi dan kurang memupuk kreativiti dalam kalangan pelajar. Seharusnya guru menjadikan pengalaman yang telah ditempuh dalam bilik darjah sebagai pedoman untuk bertindak.

Dilema isu pentaksiran

Pentaksiran yang bersifat kontemporari seharusnya berbeza dengan amalan sebelumnya. Amalan ini penting kerana ia dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menyediakan pelan dan mengambil langkah seterusnya dalam pembelajaran mereka (Chappuis & Stiggins, 2002). Oleh itu, pentaksiran yang komprehensif dan berterusan diperlukan untuk membantu pelajar memperbaiki diri mereka sendiri, baik dari segi akademik mahupun akhlak (Ahmed Shami, 1990; Zaharah, 2008). Menurut Klinger et al., (2012) untuk memperkenalkan konsep baru bukannya mudah. Persediaan diperlukan untuk meneroka teori pentaksiran dan amalan dengan cara yang lebih mendalam dan bermakna. Lantaran itu, pentaksiran yang komprehensif perlu direka bentuk bukan sahaja untuk mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar tetapi termasuk juga maklumat pencapaian akhlak mereka.

Pentaksiran berkait rapat dengan matlamat yang hendak dicapai dalam pendidikan bagi memastikan para pelajar bergerak seiring dengan kemajuan teknologi (Abd Wahid & Yuszaida, 2010). Namun, hal-hal yang berkaitan dengan sahsiah, akhlak, nilai murni, budi pekerti, dan penampilan diri sukar atau tidak mungkin dapat dinilai sepenuhnya dengan peperiksaan. Pendidikan dewasa ini cenderung menitikberatkan aspek kognitif, maka perhatian kurang ditekankan kepada pembinaan aspek spiritual atau rohani pelajar (Hambali, 2010). Amalan pentaksiran oleh guru perlu memberi penekanan terhadap akhlak pelajar (Zaharah, 2008). Keperibadian pelajar dapat dibentuk di samping memberi pengetahuan dan kemahiran pentaksiran pembelajaran kepada mereka (Suah, 2012). Kebelakangan ini isu tentang kualiti pendidik sering dipersoalkan. Mereka ini dikatakan tidak memiliki sifat, sikap dan personaliti dalam melahirkan pelajar berakhlak mulia (Sufean, 1996; Rohana, Tengku Norzani, Sarimah & Ros Eliana, 2013). Guru yang berkesan bukan hanya mementingkan pencapaian akademik dan peperiksaan tetapi bertekad untuk melahirkan pelajar yang mempunyai nilai akhlak yang terpuji.

Pentaksiran formatif dan sumatif telah mewujudkan kekeliruan sebagai satu strategi kepada amalan PuP dan PkP (Rashidah, 2004). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pemahaman tentang pentaksiran merupakan komponen yang terpisah daripada pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran formatif dan sumatif bertujuan untuk mencungkil pengetahuan pelajar tanpa memberi kesan positif kepada pembelajaran mereka. Kekeliruan ini menjadi isu yang serius apabila pengetahuan tentang pentaksiran juga berada di tahap yang rendah (Suah, 2012). Kekusutan ini berlaku apabila penggunaannya tidak diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Juliana, 2008). Ini berpunca daripada kurang keyakinan diri, tiada kemahiran, kurang latihan secara 'hands-on', bengkel dan teknik-teknik melaksanakan pentaksiran tersebut. (Suzana & Jamil, 2012). Ditambah pula dengan beban tugas yang agak banyak (Sufean, 1996), bilangan pelajar yang terlalu ramai, sikap pelajar yang

agak negatif, kekangan masa dan penguasaan serta penerimaan yang memerlukan latihan tambahan turut mempengaruhi amalan tersebut. (Abdul Rahim & Saliza, 2008; Mohd Anuar & Khamsawati, 2010; Abd Wahid & Yuszaida, 2010 & Norani & Saifulazri, 2010).


Ciri pentaksiran yang menyokong pengajaran dan pembelajaran

Beberapa kajian menunjukkan bahawa prinsip untuk menggalakkan pelajar mengamalkan pentaksiran sendiri dan rakan sebaya perlu diberi penekanan dan menjadi amalan di institusi pendidikan (Mohamad Azhar, 2006; Mohamad Azhar & Shahrir, 2007). Pelajar diberi peluang dan ruang untuk membuat penilaian terhadap hasil kerja mereka. Proses pentaksiran yang berlaku perlu melibatkan pentaksiran pembelajaran pelajar dan bukan hanya kepada pentaksiran guru sahaja. Namun, kajian Mohamad Azhar (2006) menunjukkan bahawa peranan pelajar dianggap kurang penting untuk melakukan pentaksiran rakan sebaya dan pelajar menganggap ia amat sukar untuk dilaksanakan kerana kekurangan pengalaman. Hal ini menjadi tidak konsisten dan tidak praktikal kerana tiada model khusus untuk mengamalkannya.

Pentaksiran yang diamalkan ini perlu memberi tumpuan kepada menilai pembelajaran dan akhlak pelajar (Zaidatun et al., 2006). Hasilnya, pelajar yang dilahirkan adalah dinamis, cekap untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat serta kualiti personel pelajar akan merintis ke arah kemajuan baru (Abd. Rahim, 2000).

Kerangka Konsep Pentaksiran Pembelajaran

Kerangka konseptual pentaksiran pembelajaran ini hasil daripada adaptasi teori Black dan Wiliam (1998), Earl (2003), Imam Al-Ghazali (t.t) dan teori Vygotsky seperti Rajah 1. Ia melihat dari sudut tujuan, kriteria, strategi, kualiti, maklumat dan alat pentaksiran yang digunakan dalam menilai pelajar. Sebagai seorang guru, mereka perlu tahu bagaimana untuk menggunakan pentaksiran ini bagi meningkatkan pembelajaran pelajar. Setiap pentaksiran yang dilakukan perlu diketahui tujuannya, kriteria untuk menilai pelajar, strategi yang digunakan, bagaimana kualiti pentaksiran itu dihasilkan, bagaimana maklumat pentaksiran itu dapat membantu meningkatkan pembelajaran pelajar dan alat yang digunakan untuk membuat pentaksiran.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Pentaksiran Pembelajaran

Pentaksiran sebagai pembelajaran (PsP) meletakkan pelajar sebagai pemantau kepada diri sendiri. Pemantauan ini memerlukan bukti-bukti yang dapat mengenal pasti akan kelemahan pelajar dalam sesuatu subjek. Pelajar bukan sahaja dinilai menggunakan pengukuran secara kuantitatif seperti ujian dan peperiksaan tetapi perlu berubah selaras dengan matlamat perkembangan pelajar (Siti Fatimah et al., 2006). Pelajar perlu diberi lebih banyak ruang untuk memilih cara mereka dinilai, menggalakkan mereka mencuba pelbagai kaedah dan pengalaman untuk menilai hasil pembelajaran mereka sendiri (Hamdan Alghamdi, 2013). Pelajar belajar bukan hanya kerana peperiksaan dan pensijilan sahaja tetapi kerana pekerjaan, ilmu untuk utiliti dan sebagainya (Mohd. Idris, 1991).

PuP mewujudkan perkongsian idea dan maklumat untuk membina rubrik pemarkahan atau kriteria kejayaan bersama dengan pelajar perlu dilaksanakan. Pelajar akan lebih dekat dengan tugas mereka dan tahu cara untuk melaksanakannya secara lebih terperinci. Secara tidak langsung ia dapat menjana kemahiran berfikir kreatif dan kritis pelajar serta sebagai latihan yang cukup menyeronokkan dan amat bermakna. Pelajar perlu diberi peluang untuk membina penyelesaian, penaakulan, pertimbangan, penilaian, perbincangan dan penerokaan bersama dan bukan hanya diperbetulkan oleh guru sahaja (Conroy et al., 2009).

PkP yang menggunakan pentaksiran sumatif pula perlu diberi tanggungjawab yang agak sedikit memandangkan penilaian menggunakan kertas dan pensel ini merupakan sesuatu yang tradisional. Hasil kajian Brown et al., (2011) mendapati kepercayaan terhadap PkP adalah penambahbaikan berkaitan dengan akauntabiliti institusi tetapi tidak berkaitan dengan akauntabiliti pelajar. Pelajar-pelajar menumpukan perhatian kepada pembelajaran yang mereka rasa akan diuji dalam ujian atau peperiksaan sahaja dan kebiasaannya ujian yang dirancang sering mengukur kebolehan tahap rendah iaitu mengingat fakta dan 'memuntahkan' semula semasa peperiksaan (Angelo & Cross, 1993).

Pentaksiran akhlak (PA) merupakan pentaksiran yang perlu dinilai secara formal. Penggunaan instrumen boleh digunakan untuk menilai akhlak pelajar secara kuantitatif atau kualitatif. Pentaksiran ini dapat membentuk peribadi pelajar yang lebih dinamik dan berkesan. PA ini boleh dinilai oleh guru, rakan, ibu bapa dan pemerhatian terhadap masyarakat. Penggunaannya melibatkan proses takhalli (pencegahan), tahalli (perawatan) dan tajalli (pembinaan). Penggunaannya amat berkesan untuk menanam sikap dan sifat yang baik sebagai seorang pelajar. PA ini boleh dijadikan sebagai sebahagian penilaian yang menyumbang kepada peratus dalam PkP.

Vygotsky percaya bahawa manusia aktif bertindak balas kepada rangsangan di persekitaran melalui isyarat komunikasi. Ini memberi persepsi dan kesan kepada kognitif untuk bertindak terhadap situasi tersebut (Kamarulzaman, 2003). Fenomena ini telah mencetuskan satu untaian konsep perkembangan kognitif yang dikenali sebagai Zon Perkembangan Proksimal (ZPP). ZPP merupakan jarak atau perbezaan antara tahap kognitif semasa dengan tahap kognitif yang dapat dicapai (Azizi et al., 2005). Konsep ini menyentuh tentang peningkatan prestasi pelajar melalui bimbingan dan bantuan daripada guru serta rakan-rakan. Pelajar memerlukan sokongan dan dorongan yang berterusan kerana ia dapat meningkatkan pembelajaran regulasi sendiri yang berkesan. (Ash & Levitt, 2003; Azizi et al., 2005)

Implikasi kepada guru

Kemahiran dalam amalan pentaksiran pembelajaran diperlukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Volante & Fazio, 2007). Menurut kajian Hamdan Alghamdi (2013) bakal guru perlu didedahkan tentang perubahan pendekatan pengajaran tradisional berdasarkan hafalan kepada pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah. Kajian oleh Volante dan Fazio (2007) menunjukkan bahawa latihan lanjutan yang diperlukan oleh guru dalam konsep pentaksiran kontemporari iaitu pentaksiran portfolio 6.2/10, dan pentaksiran prestasi 6.3/10. Hasil kajian ini juga memberi kesedaran untuk meningkatkan pengetahuan tentang pentaksiran. Para guru memerlukan kursus yang memberi tumpuan kepada pentaksiran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Setiap guru diamanahkan sebagai individu profesional yang paling layak memainkan peranannya sebagai pentaksir (Yap et al., 1987). Individu profesional ini perlu dan mesti dilengkapi dengan pengetahuan terkini yang berlaku dalam dunia pendidikan sebelum melayakkan mereka bergelar 'guru' (Rashidah, 2004). Pentaksiran pelajar adalah kecekapan yang perlu dilengkapi dengan mengumpul dan melaporkan pembelajaran sebenar pelajar. Ini merupakan satu alasan yang menarik kenapa seseorang guru perlu membangunkan kecekapan mereka dalam lapangan ini. Begitu juga dalam perkhidmatan perguruan, mereka perlu terus membangunkan diri dalam bidang ini kerana kira-kira 50% daripada masa pengajaran melibatkan aktiviti pentaksiran yang berkaitan (Balagtas et al., 2010).

Hasil kajian Balagtas et al., (2010) menunjukkan kelemahan pelajar dalam tujuh bidang celik pentaksiran iaitu bidang kecekapan, menggunakan hasil pentaksiran untuk membuat keputusan pembelajaran, membangunkan prosedur penggredan pelajar, berkomunikasi tentang keputusan pentaksiran kepada pelajar, ibu bapa dan rakan M = 1.44, penggunaan kaedah yang tidak sesuai untuk maklumat pentaksiran, lemah terhadap pemilihan kaedah pentaksiran M = 1.90 yang merupakan bidang kekuatan seseorang guru. Kajian Ash dan Levitt (2003) menunjukkan guru juga tidak didedahkan dengan kemahiran pentaksiran yang perlu dijadikan sebagai model proses di dalam bilik darjah. Kecekapan ini sepatutnya telah dibangunkan oleh guru-guru kerana mereka telah mengikuti kursus dan pengalaman dalam bidang pentaksiran. Guru seharusnya dilengkapi dengan semua kecekapan yang diperlukan untuk menjadi pentaksir yang celik pembelajaran namun hanya satu pertiga sahaja daripada matlamat pentaksiran pembelajaran yang dapat dikuasai (Struyven et al., 2005).

Amalan pentaksiran pembelajaran ini diperlukan untuk membangunkan kemahiran pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Ia perlu diamalkan bersama dengan kurikulum agar dapat menyokong pembelajaran pelajar sebagai pentaksir dan yang ditaksir (Darling-Hammond, 2010). Sehubungan itu, penerapan nilai-nilai profesional seperti watak, akhlak, pengetahuan dan kemahiran yang menjadi teras dalam arena pendidikan dan pembangunan profesionalisme guru adalah dituntut (Abd. Ghafar, 2011). Reformasi pembelajaran ke arah insan bertaraf dunia perlu dimulai dengan merubah paradigma yang berpusatkan pensyarah kepada berpusatkan pelajar (Firdaus, 2006). Sistem pembelajaran secara konvensional adalah kurang sesuai dengan dinamika perkembangan intelek dan perlunya untuk membangunkan tradisi baru di dalam bilik

darjah. Pentaksiran pembelajaran ini dapat mengembangkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, konatif dan akhlak pelajar. Ia dapat bertindak aktif untuk mendapatkan pembelajaran yang lebih berkesan (Reeves, 2006).

Implikasi Kepada Pelajar

Penglibatan pelajar secara aktif di dalam bilik darjah dapat meningkatkan pembelajaran dan kepuasan peribadi (Reeves, 2006). Tujuannya adalah untuk memecahkan corak pembelajaran pasif, mencapai matlamat pembelajaran dan memberi gambaran menyeluruh serta jelas kepada pelajar bagi pembelajaran sepanjang hayat (Carless, 2008). Ini dapat mewujudkan amalan positif antara guru dan pelajar iaitu meletakkan kefahaman pelajar ke dalam pengajaran guru (Lambert & Lines, 2000). Melalui proses ini, secara tidak langsung pelajar-pelajar didedahkan dengan elemen maklum balas dan maklum ke hadapan yang mampu memberikan maklumat yang berguna demi perkembangan akademik dan intelek mereka. Proses pengajaran di dalam bilik darjah akan menjadi cukup berkesan terhadap pembelajaran sekiranya amalan pentaksiran ini dirancang, dibincang dan digunakan bersama dengan pelajar (Garies & Grant, 2008). Pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan pengetahuan teori dan praktikal tentang amalan pentaksiran di dalam bilik darjah (Earl & Giles, 2011).

Pentaksiran merupakan sesuatu yang sangat umum bagi guru dan juga pelajar. Peralihan ini mempunyai implikasi yang serius untuk tujuan interaksi dan komunikasi antara guru dan pelajar. Sistem pentaksiran tidak boleh ditukar dengan cara yang dramatik tanpa memikirkan pelajar dan membantu mereka memahami dan melibatkan diri dengan tujuan dan pendekatan yang mereka akan menjadi sebahagian daripadanya. Pelajar perlu diberi lebih banyak ruang untuk memilih cara mereka dinilai, menggalakkan mereka mencuba pelbagai kaedah dan pengalaman untuk menilai hasil pembelajaran mereka sendiri. (Hamdan Alghamdi, 2013). Walau pun kesedaran tentang pentaksiran mempunyai pelbagai tujuan dan cuba untuk merangkumi PuP dan PsP dalam rutin harian, namun ini mungkin akan menyebabkan perubahan yang tidak selesa dan agak sukar. Kebiasaannya kekeliruan berlaku kerana pentaksiran akan dianggap sebagai persaingan atau komponen yang berasingan daripada pengajaran dan pembelajaran.

Penutup

Pentaksiran pembelajaran di dalam bilik darjah adalah satu proses yang kompleks dan rumit tetapi mempunyai kuasa yang besar untuk mengubah pembelajaran pelajar. Pentaksiran mempunyai sejarah yang panjang dan peralihan kepada pemahaman yang berbeza dan aplikasi amalan pentaksiran di dalam bilik darjah akan menjadi sesuatu yang mencabar. Pembuat dasar dan pengamal perlu untuk merenung kembali dan melihat pentaksiran melalui kanta baru. Mereka perlu sentiasa bersedia untuk membuka minda bagi melepaskan beberapa tanggapan tentang pentaksiran. Penggunaannya untuk menyusun semula proses pentaksiran serta melibatkan diri dalam penerokaan yang berterusan untuk pengetahuan yang lebih mendalam. Pentaksiran merupakan cermin kepada hasil yang diharapkan iaitu pembelajaran, tujuan dan strategi pembaharuan keseluruhan sistem pendidikan itu sendiri (Hamdan Alghamdi, 2013).

Rujukan

- Abd.Ghafar Md. Din.(2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd.Rahim Abd.Rashid.(2000). *Wawasan & agenda pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd.Rahim Abd.Rashid. (2007). *Profesionalisme keguruan: Prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Hamdan & Saliza Ahmad.(2008). Tahap penguasaan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Amali (PEKA) Sains Menengah Rendah.*Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik* (hlm.1-9). Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia & Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
- Abd Wahid Mukhari & Yuszaida Yusof.(2010). *Tahap kefahaman kriteria dan masalah guru terhadap penilaian dan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup (KT) di Daerah Segamat, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Diambil pada 15 Jun, 2013 dari eprints.utm.my/10294/2/Yuszaida_Binti_Yusof.pdf.
- Ahmed Shami, M. A. (1990). Sistem untuk melatih guru-guru muslim. Dalam M. H. Al-Afendi & N. A. Baloch (Eds.), (Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris, Terj.), *Kurikulum dan pendidikan guru* (hlm. 181-186). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Angelo, T. A., & Cross, K. P. (1993). *Classroom assessment techniques: A handbook for college teachers* (2nd ed.). San Francisco, California: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Ash, D., & Levitt, K. (2003). Working within the zone of proximal development: Formative assessment as professional development. *Journal of Science Teacher Education*, 14(1), 1-31.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fauziah Yahya.(2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Pahang Darul Makmur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Balagtas, M. U., Dacanay, A. G., Dizon, M. A., & Duque, R. E. (2010). Literacy level on educational assessment of students in a premiere teacher education institution. *Basis for a Capability Building Program*, 4(1), 1-20.
- Bindu, P. (2013). Some best practices in classroom teaching for professional development of teacher education. *International Journal for Research in Education*, 2(4), 62-65.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Inside the black box: Raising standards through classroom assessment. *Phi Delta Kappan*, 80(2), 139-152.
- Boud, D. (1990). Assessment and the promotion of academic values. *Studies in Higher Education*, 15(1), 100-112.
- Brown, G. T. L., Lake, R., & Matters, G. (2011). Queensland teachers' conceptions of assessment: The impact of policy priorities on teacher attitudes. *Teaching and Teacher Education*, 27(1), 210-220.
- Carless, D. (2008). Trust, distrust and their impact on assessment reform. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 00(0), 1-10.

- Chappuis, S., & Stiggins, R. J. (2002). Do students care about learning? Classroom assessment for learning. *Educational Leadership*, 60(1), 40-44.
- Conroy, J., & Van Es, E. A. (2009). Using the performance assessment for California Teachers to examine pre-service teachers' conceptions of teaching Mathematics for understanding. *Issues in Teacher Education*, 18(1), 83-103.
- Darling-Hammond, L. (2010). Evaluating teacher effectiveness: How teacher performance assessments can measure and improve teaching. *Center for American Progress*, 11(October), 54-60.
- Earl, K., & Giles, D. (2011). An-other look at assessment: Assessment in learning. *New Zealand Journal of Teachers' Work*, 8(1), 11-20.
- Earl, L. (2003). *Assessment as learning: Using classroom assessment to maximise student learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Firdaus, L.N. (2007). Pengembangan soft skills mahasiswa ke arah lulusan perguruan tinggi yang cerdas dan kompetitif. Dalam L. N. Firdaus, Mohammad Arif Hj. Ismail, Jamil Ahmad, Auazar M. S, & M. S. Darmadi (Eds.), *Prosiding Seminar International Pendidikan Serantau III* (hlm. 593-596). Riau, Indonesia.
- Gareis, C. R., & Grant, L. W. (2008). *Teacher-made assessments: How to connect curriculum, instruction and student learning*. New York: Eye On Education.
- Hambali, Y. (2010). Studi komparatif pemikiran para ahli falsafah Islam tentang pendidikan. *Turats*, 6(1), 17-32.
- Hamdan Alghamdi, A. K. (2013). Pre-service teachers' preferred methods of assessment: A perspective form Saudi Arabia. *Australian Journal of Teacher Education*, 38(4), 66-84.
- Juliana Osong. (2008). *Hubungan antara pengetahuan dengan persepsi amalan pentaksiran formatif dalam pelaksanaan penilaian kemajuan berasaskan sekolah* (tesis sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaysia Sabah.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2003). *Psikologi perkembangan teori dan konsep*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2012). Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. September 2012.
- Klinger, D. A., Shulha, L. A., Luce-Kapler, R., & Elliott, S. (2012). The enabling constraints of building an assessment pedagogy: Engaging pre-Service teachers in a professional exploration of current conceptions of classroom assessment. *Spring No:1/2012*, 1(1), 1-33.
- Lambert, D., & Lines, D. (2000). *Understanding assessment: Purposes, perceptions, practice*. Routledge Falmer: New York.
- Marzni Mohamed Mokhtar, Roselan Baki & Fadzilah Abd Rahman.(2012). Perspektif kualitatif guru terhadap pelaksanaan amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2012*. Diambil pada 20 Mac, 2013 dari [http://www.medc.com.my/medc/seminar medc/fromCD/pdf/123.pdf](http://www.medc.com.my/medc/seminar%20medc/fromCD/pdf/123.pdf).
- Mohamad Azhar Mat Ali.(2006). *Amalan pentaksiran di sekolah menengah* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan pentaksiran untuk pembelajaran. *Jurnal Pendidikan 2007*, 27(1), 19-39.

- Mohd Anuar Abdul Rahman & Khamsawati Jaafar.(2010). Pelaksanaan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah dalam bandar di Daerah Kuantan, Pahang. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Diambil pada 25 Mac, 2013 dari [http://eprints.utm.my/10757/1/PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DI SEKOLAH](http://eprints.utm.my/10757/1/PELAKSANAAN_PENTAKSIRAN_KERJA_KURSUS_KEMAHIRAN_HIDUP_BERSEPADU_DI_SEKOLAH).
- Mohd. Idris Jauzi. (1991). *Reformasi pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nabilah Abu Bakar & Sarebah Warman.(2011). Sejauh mana elemen-elemen pengajaran guru mengikut modul pentaksiran dalam sesi amali di bengkel.CIE–TVT 2011: *Prosiding Persidangan Kebangsaan Penyelidikan &Inovasi dalam Pendidikan & Latihan Teknik & Vokasional* (hlm. 450-454). Hotel Naza Talyya, Pulau Pinang.
- Norani Mohd Noor & Saifulazri Sahip. (2010). *Pelaksanaan pentaksiran kerja kursus berasaskan sekolah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, kawasan Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Diambil pada 5 Mac, 2013 dari <http://eprints.utm.my/10688/1/pdf>.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2010). *Guru dan cabaran semasa*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rahaila Omar. (2011). *Kompetensi nilai profesionalisme pensyarah Institut Pendidikan Guru dan potensi bakal guru di Malaysia* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashidah Hassan. (2004). *Kesediaan guru melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran* (tesis sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Reeves, T. C. (2006). How do you know they are learning?: The importance of alignment in higher education. *Int. J. Learning Technology*, 2(4), 294-309.
- Rohana Hamzah, Tengku Norzani Tengku Ibrahim, Sarimah Ismail & Ros Eliana Ahmad Zuki.(2013). Pembangunan jiwa pendidik dalam kalangan bakal pendidik.*Jurnal Teknologi*, 61(1), 27-31.
- Siti Fatimah Mohd Yassin, Baharuddin Aris & Abdullah Hafidz Omar.(2006). Pentaksiran e-portfolio untuk pengembangan kreativiti pelajar melalui projek pembangunan produk multimedia kreatif.*Compilation of presentation papers, Kuala Lumpur International Conference on Assessment 2006* (hlm. 217-227). Sunway Lagoon Resort Hotel Selangor, Malaysia: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Sluijsmans, D. M. A., & Prins, F. (2006).A conceptual framework for integrating peer assessment in teacher education.*Studies in Educational Evaluation*, 32, 6-22.
- Struyven, K., Dochy, F.,&Janssens, S. (2005). Students' perceptions about evaluation and assessment in higher education: A review. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 30(4), 331-347.
- Suah See Ling. (2012). *Analisis model literasi dan amalan pentaksiran guru sekolah serta kajian tentang jurang antara keduanya* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.

- Sufean Hussin. (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suzana Abd.Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam subjek Bahasa Melayu darjah satu: Kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*, 17-30.
- Thomas, G., Martin, D., & Pleasants, K. (2011). Using self- and peer-assessment to enhance students' future-learning in higher education. *Journal of University Teaching Learning Practice*, 8(1), 1-20.
- Volante, L., & Fazio, X. (2007). Exploring teacher candidates' assessment literacy: Implications for teacher education reform and professional development. *Canadian Journal of Education* 30, 3(2007), 749-770.
- Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng & Ismail Abu Bakar. (1987). *Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Zaharah Hussin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatun Tasir, Jamalludin Harun, Kahiriyah Mohd Yusof, Syed Ahmad Helmi Syed Hassan. (2006). Challenges in implementing holistic and authentic assessment in problem-based learning in Universiti Teknologi Malaysia. *Compilation of presentation papers, Kuala Lumpur International Conference on Assessment 2006* (hlm. 229-236). Sunway Lagoon Resort Hotel Selangor, Malaysia: Lembaga Peperiksaan Malaysia.

_____0000_____